



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**30 Jun 2009**

Sehingga 30 Jun 2009 jam 8.00 pagi terdapat 14 kes baru influenza A(H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada 11 kes import dan 3 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) di Malaysia sehingga 30 Jun 2009 adalah berjumlah 158 kes yang terdiri daripada 133 kes import dan 25 kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Maklumat berkaitan 14 kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 11 warganegara Malaysia dan 3 warga asing iaitu masing-masing satu (1) warga Australia, New Zealand dan Indonesia. Daripada 11 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1), iaitu Australia (4), Indonesia (4), Singapura (2) dan New Zealand (1). Tiga (3) kes jangkitan tempatan melibatkan kes warga tempatan.

Seterusnya, berikut adalah maklumat utama kepada 14 kes yang dilaporkan pada hari ini.

1. Kes 145 (**kes tempatan ke-23**), seorang pelajar berumur 14 tahun, warga Malaysia bersekolah di Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban. Beliau tidak mempunyai riwayat perjalanan ke luar negara, tetapi adalah salah seorang kontak kes 130 yang mana merupakan kontak kepada kes 116 dan kes ini juga telah diletakkan di bawah kuarantin di rumah. Semasa kuarantin beliau telah mengalami gejala demam dan sakit tekak pada 28 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban pada 29 Jun 2009 untuk penyiasatan. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 sebagai kes tempatan ke 23. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
2. Kes 146 (**kes tempatan ke-24**), seorang wanita berumur 52 tahun, warga Malaysia. Beliau tidak mempunyai riwayat perjalanan ke luar negara, tetapi adalah salah seorang kontak kes 116, yang sedang di letakkan di bawah kuarantin di rumah. Beliau telah mengalami gejala selsema pada 28 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban pada 29 Jun 2009 untuk penyiasatan. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 sebagai kes tempatan ke 24. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
3. Kes 147, seorang pelajar lelaki berumur 25 tahun, warga Malaysia telah melawat Jakarta, Indonesia, daripada 18 Jun 2009 hingga 21 Jun 2009 bersama-sama 9 orang rakan. Beliau telah kembali

ke Malaysia pada 22 Jun 2009 melalui penerbangan Air Asia D72009 dan tiba di LCCT, Sepang, pada jam 9.00 malam. Tempat duduk beliau ialah 34A. Beliau sihat semasa tiba di LCCT dan dijemput oleh adik bersama 3 rakan lagi untuk balik ke rumah. Beliau mendapat demam dan batuk pada 27 Jun 2009. Beliau telah pergi ke hospital swasta pada 27 Jun 2009 dan seterusnya diambil swab tekak untuk penyiasatan makmal. Beliau seterusnya telah diarahkan kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur untuk pengasingan dan rawatan antiviral. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil. Seramai 18 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin.

4. Kes 148, seorang pelajar perempuan berumur 20 tahun, warga Malaysia belajar di Brisbane, Australia dan pulang bercuti bersama-sama kawan-kawan ke Malaysia pada 27 Jun 2009 melalui penerbangan Air Asia D72703 dan tiba di LCCT, Sepang, pada jam 3.40 petang. Tempat duduk 30A. Beliau telah berlepas dari LCCT ke Kuching pada tarikh sama pada pukul 6.40 petang dengan penerbangan AK5216 dan tiba di Kuching pada 8.25 malam. Tempat duduk beliau adalah 1D. Beliau sihat semasa tiba di Kuching dan balik ke rumah. Beliau mula demam dan pergi ke Jabatan Kecemasan Hospital Umum Sarawak pada 27 Jun 2009 jam 12 malam. Swab tekak diambil dan diarah kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk pengasingan dan rawatan. Seramai 8 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.

5. Kes 149, seorang pelajar lelaki warga Malaysia berumur 20 tahun yang belajar di Melbourne, Australia telah pulang bercuti ke Malaysia pada 27 Jun 2009 melalui penerbangan MH128 dan tiba di KLIA pada jam 6.30 pagi. Tempat duduk beliau ialah 2K. Beliau sihat semasa tiba di KLIA dan balik ke rumah. Beliau mendapat demam dan batuk pada petang 27 Jun 2009 dan telah pergi ke Hospital Sg Buluh pada 28 Jun 2009. Swab tekak diambil dan diarah kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur untuk pengasingan dan rawatan. Seramai 4 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
  
6. Kes 150, seorang kanak-kanak lelaki berumur 11 tahun, warga Indonesia. Beliau mula demam semasa di Jakarta, Indonesia, mengikuti keluarga ke Malaysia pada 27 Jun 2009 dan tiba di KLIA melalui penerbangan MH716, tempat duduk 18 C. Swab tekak diambil semasa ketibaan di KLIA dan diarah kurantin di sebuah hotel. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buluh pada hari yang sama untuk pengasingan dan rawatan. Seramai 8 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
  
7. Kes 151, seorang peniaga wanita berumur 24 tahun, warga Malaysia telah melawat Bali, Indonesia, daripada 16 Jun 2009 hingga 25 Jun 2009 bersama-sama suami. Beliau telah kembali ke Malaysia pada 25 Jun 2009 melalui penerbangan Air Asia QZ7694 dan tiba di LCCT, Sepang, pada jam 11.00 malam.

Tempat duduk 11A. Beliau sihat semasa tiba di LCCT dan terus balik ke rumah. Beliau mendapat demam dan batuk pada 27 Jun 2009 dan telah pergi ke Hospital Kuala Lumpur pada 28 Jun 2009, swab tekak diambil seterusnya diarahkan kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada hari yang sama untuk pengasingan dan rawatan. Seramai 8 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.

8. Kes 152, seorang kanak-kanak perempuan berumur 6 tahun, warga New Zealand datang bercuti bersama-sama keluarga ke Malaysia pada 28 Jun 2009 pada 12.50 petang dengan penerbangan MH130 dan telah tiba di Malaysia pada 8.00 malam di KLIA. Barisan tempat duduk beliau adalah no. 30. Beliau telah disaring di KLIA dan didapati demam seterusnya dirujuk ke Hospital Sungai Buluh dan disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009. Seramai 4 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
9. Kes 153 (**kes tempatan ke-25**), seorang pelajar berumur 15 tahun, warga Malaysia bersekolah di Sekolah Menengah Tsun Jin. Kuala Lumpur. Beliau tidak mempunyai riwayat perjalanan ke luar negara, tetapi adalah salah seorang kontak kepada kes 140 dan kes ini telah diletakkan di bawah kuarantin di rumah. Beliau telah mengalami gejala demam dan batuk pada 28 Jun 2009 dan seterusnya diambil swab tekak untuk penyiasatan makmal dan telah diarahkan kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 sebagai kes

tempatan ke 25. Seramai 6 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.

10. Kes 154, seorang jurutera lelaki berumur 32 tahun, warga Malaysia telah melawat Singapura daripada 22 Jun 2009 hingga 26/06/2009. Beliau kembali ke Malaysia pada 26 Jun 2009 melalui penerbangan MH608 dan tiba di KLIA pada jam 7.00 malam. Tempat duduk beliau ialah 14B. Beliau mengalami sakit tekak tetapi tiada demam semasa ketibaan. Beliau tidak melaporkan sebarang simptom di dalam Health Declaration Form. Pada 26 Jun 2009 malam mula mendapat demam dan telah pergi ke klinik swasta untuk rawatan. Pada 28 Jun 2009 jam 8.30 pagi telah ke Hospital Sungai Buluh dan swab tekak diambil untuk penyiasatan makmal. Beliau seterusnya telah diarahkan kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 sebagai kes import dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buluh pada hari yang sama. Seramai 3 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
11. Kes 155, seorang pelajar lelaki berumur 20 tahun, warga Malaysia belajar di Sydney, Australia dan pulang bercuti ke Malaysia pada 27 Jun 2009 dengan penerbangan MH122 dan tiba di KLIA pada jam 8.30 malam. Tempat duduk beliau adalah 31D. Beliau dikesan demam semasa tiba di KLIA dan seterusnya diambil swab tekak untuk penyiasatan makmal. Beliau seterusnya telah diarahkan kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital Sungai Buluh untuk pengasingan dan rawatan. Seramai

4 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.

12. Kes 156, seorang pelajar lelaki berumur 18 tahun warga Malaysia, yang belajar di Melbourne, Australia. Beliau telah kembali ke Malaysia pada 28 Jun 2009 melalui penerbangan MH128 dan tiba di KLIA pada jam 6.30 pagi. Tempat duduk beliau ialah 30H. Beliau tidak melaporkan sebarang simptom melalui borang Health Declaration. Beliau dikesan demam oleh pengimbas suhu semasa tiba di KLIA dan diambil swab tekak. Beliau seterusnya telah diarahkan kuarantin di rumah. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital TAR Klang untuk pengasingan dan rawatan. Ibu beliau iaitu kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
13. Kes 157, seorang lelaki berumur 22 tahun, warga Australia, transit di Malaysia untuk bercuti di Singapura. Telah tiba di KLIA pada 28 Jun 2009 dengan penerbangan MH122 dan tempat duduk beliau adalah 27H. Beliau demam sejak 26 Jun 2009 dan dikesan semasa saringan di KLIA seterusnya dirujuk ke Hospital Sungai Buluh. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009. Tiada kontak untuk kes ini. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral.
14. Kes 158, seorang kanak-kanak perempuan berumur 4 tahun, warga Malaysia. Beliau telah melawat ke Bandung dan Jakarta daripada 21 Jun 2009 hingga 24 Jun 2009 bersama-sama kes 142. Beliau kembali ke Malaysia pada 26 Jun 2009 melalui penerbangan MH720 dan barisan tempat duduk 27 dan

meneruskan perjalanan ke Pulau Pinang dengan penerbangan MH1166 dan tiba pada jam 10.15 malam. Beliau mengalami demam dan sakit tekak pada 28 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang pada 29 Jun 2009 untuk penyiasatan. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 29 Jun 2009 sebagai kes impot. Seramai 3 kontak telah dihubungi untuk dikuarantin. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral

Jumlah pesakit Influenza A(H1N1) yang masih dirawat di hospital adalah berjumlah 47 orang dan kesemua mereka telah menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa komplikasi. Jumlah pesakit mengikut hospital adalah Hospital Sungai Buloh (13 pesakit), Hospital Kuala Lumpur (11 pesakit), Hospital Pulau Pinang (5 pesakit), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (5 pesakit), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (3 pesakit), Hospital Umum Sarawak (1 pesakit), Hospital Queen Elizabeth, KK (3 pesakit), Hospital Sandakan (1 pesakit), Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu (2 pesakit), Hospital Bintulu, Sarawak (1 pesakit), dan Hospital TAR Klang (2 pesakit).

Jumlah pesakit Influenza A(H1N1) yang telah sembuh rawatan setakat ini adalah berjumlah 111 orang dan mereka telah sembuh sepenuhnya dan telah didiscaj daripada hospital.

Pada 29 Jun 2009 Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, telah menutup dua (2) buah sekolah iaitu Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban dan Sekolah Menengah Tsun Jin, Kuala Lumpur sehingga 3 Julai 2009 kerana terdapat jangkitan tempatan. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan

penularan penyakit influenza A(H1N1) di kalangan warga sekolah tersebut yang boleh mengakibatkan jumlah jangkitan yang lebih tinggi.

Jumlah kontak yang sedang menjalani kuarantin di rumah adalah berjumlah 713 orang dan 4 kontak mempunyai simptoms. Jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan Influenza A(H1N1) adalah sebanyak 2,205 kes di mana, 158 kes telah disahkan positif Influenza A(H1N1) manakala 126 kes masih menunggu keputusan.

Sehubungan itu, semua ibubapa kepada pelajar-pelajar sekolah di atas diminta untuk terus memastikan anak-anak mereka berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam atau menghadiri kelas tuisyen atau kelas agama. Semasa *home quarantine* 7 hari, mereka ini adalah diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin dan sekiranya mengalami gejala demam dan tanda-tanda seperti batuk, sakit tekak dan selesema hendak segera mendapatkan rawatan di hospital.

Kementerian Kesihatan Malaysia meminta kerjasama daripada kesemua kontak terdiri dari penumpang termasuk krew penerbangan dari penerbangan yang terlibat dengan pengesanan kes positif Influenza A(H1N1), terutama di 3 tempat duduk hadapan dan belakang kes-kes serta kiri dan kanan, supaya segera memaklumkan lokasi mereka untuk memudahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan. Sila maklumkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau CPRC-KKM melalui talian 03-88810200, 03-88810300, 03-88834414 atau 03-88834415 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Pihak Kementerian Kesihatan meminta mereka ini untuk mengamalkan *self quarantine* di rumah atau tempat kediaman masing-masing serta mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin seperti yang telah dipromosikan oleh Kementerian.

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 30 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes Influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 71,076 kes dengan 311 kematian daripada 116 negara, iaitu pertambahan 9,388 kes. Terdapat pertambahan 46 kematian dan 4 negara baru iaitu Iraq (10 kes), Lithuania (1 kes), Monaco (1 kes) dan Nepal (3 kes). Negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah USA (6268), Kanada (1043), UK (653) dan Australia (181).

Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak Influenza A(H1N1) adalah diminta untuk sentiasa mematuhi dan mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin. Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat. Langkah ini untuk mengelakkan penularan penyakit di sekolah dan di tempat kerja yang boleh melibatkan penularan jangkitan.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan Influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau

pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak Influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa. Untuk memudahkan orang awam mendapatkan maklumat berkaitan influenza A(H1N1), Kementerian Kesihatan telah menambah kemudahan yang berikut:

- Laman web khas influenza A(H1N1) Kementerian Kesihatan disediakan melalui alamat <http://h1n1.moh.gov.my> yang mula beroperasi pada 30 Jun 2009.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 30 Jun 2009